

# Tiga 'Geng Gondol' ditembak mati

Berita Harian 12/05/2010 MS 12

## Penjenayah warga Indonesia dipercayai terbabit 19 kes pecah rumah, samun

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bharian.com.my

**K**UALA SELANGOR: Polis menembak mati tiga lelaki warga Indonesia dipercayai ahli 'Geng Gondol' di Tasik Kota Puteri, Ijok, di sini, awal pagi semalam selepas menajar kereta suspek dari Kundang, sejauh kira-kira empat kilometer.

Kumpulan penjenayah yang tumpas selepas hampir sebulan diburu polis itu sangat dikehendaki kerana dipercayai terbabit dalam 19 kes pecah rumah dan samun sejak November lalu.

Mereka dipercayai terbabit dalam kejadian samun di kediaman Ketua Umno bahagian Cheras, Senator Datuk Wira Syed Ali Al Habshee di Taman TAR, Ampang Jaya, pada 28 Februari lalu dan sebuah rumah di Saujana Golf Resort, Subang membabitkan kerugian RM600,000.

Malah, geng terbabit dipercayai turut mendalangi samun di tiga rumah di Kuang, dekat sini, dua hari lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata bertindak atas maklumat, kira-kira jam 3.30 pagi, sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor bertembung dengan sebuah Proton Waja dinaiki suspek di Kundang sebelum menjejat mereka.

Katanya, setiba di Tasik Kota Puteri, kenderaan yang dinaiki suspek terbabas sebelum merempuh sebatang pokok.

"Ketiga-tiga suspek bersenjata sepucuk pistol buatan sendiri dan dua bilah parang kemudian meluru keluar dan cuba menyerang anggota polis menyebabkan polis melepaskan enam das tembakan bagi mempertahankan diri.

"Kesemua mereka termasuk perancang utama berusia antara 26 tahun hingga 32 tahun berjaya ditumpaskan dan kami turut menemui senjata daripada suspek," katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini.

Sepasukan polis dari Unit Forensik turut dikejarkan ke



**AGGOTA** polis memerhatikan mayat salah seorang daripada tiga anggota 'Geng Gondol' yang ditembak mati di Tasik Kota Puteri, Ijok, Kuala Selangor, semalam.

lokasi kejadian bagi mengumpul bukti.

Polis turut merampas sepucuk pistol jenis pump gun buatan sendiri, dua bilah parang, satu komputer riba, peralatan pecah

rumah, topeng dan sebuah Proton Waja yang dilaporkan dicuri di Batu 9, Cheras.

Khalid berkata, berdasarkan modus operandi Geng Gondol, kumpulan itu selalunya melau-

kukan samun pada awal pagi dengan mengumpul pintu jeriji dan memecahkan pintu sebelum mengikat mangsa serta tidak teragak-agak mencederakan mangsa.